

Ketegasan bapa jadikan Sumaiyah pelajar cemerlang KUIM

MELAKA 28 Julai - Ketegasan bapa dan penekanan disiplin diri dalam menjalani rutin hidup menjadi penyumbang utama kepada faktor kejayaan Sumaiyah Sharuddin apabila diumumkan sebagai graduan terbaik keseluruhan pada Konvokesyen ke-15 Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) di Seri Negeri di sini hari ini.

Menurut Sumaiyah, 22, sikap bapa yang amat mementingkan disiplin bersesuaian dengan tugasnya sebagai anggota tentera banyak mempengaruhi hidupnya.

"Sikap bapa, Sharuddin Dahlan, 56, yang amat mementingkan disiplin diri banyak mempengaruhi kehidupan saya sepanjang tiga tahun berpisah dengan keluarga kerana menuntut pengajian di KUIM."

"Melalui didikan bapa itu, saya menggunakan sepenuhnya masa terluang dengan memfokuskan kepada aktiviti belajar biarpun pada awalnya, bidang psikologi serta belajar di KUIM, bukan pilihan utama saya untuk melanjutkan pengajian," katanya ketika ditemui pada majlis konvokesyen tersebut di sini hari ini.

Pada majlis itu, Sumaiyah membawa pulang hadiah wang tunai RM15,000, sijil anugerah dan piala yang disampaikan oleh Ketua Menteri yang juga Canselor KUIM, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Seramai 749 pelajar KUIM menerima diploma masing-masing pada majlis konvokesyen tersebut. KUIM kini mempunyai 3,097 pelajar.

Selain itu, Sumaiyah yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.86 berkata, sikap bapanya yang tegas itu turut menyebabkan dia menuruti permintaan kedua ibu bapanya untuk menyambung pengajian di KUIM selepas tamat sekolah menengah.

"Pada awalnya, belajar di KUIM bukan pilihan utama saya malah pengajian bidang psikologi juga bukan kegemaran saya namun saya ikutkan kehendak dan permintaan ibu bapa."

"Akhirnya, berkat mendengar kata-kata mereka, saya berjaya dalam pengajian malah merangkul gelaran graduan terbaik keseluruhan," katanya.

Turut berkongsi kegembiraan Sumaiyah itu ialah seorang anak sidang kampung, Muhammad Shahnoor Azwan Shaari yang merangkul graduan terbaik kokurikulum berdasarkan kecemerlangan dalam persatuan dan sukan.

Antara 749 graduan KUIM itu, ia termasuk pasangan adik beradik bangsa Cina, Loo Siew Leng, 22, dan Loo Siew Peng, 21, yang berjaya memperolehi diploma mereka dalam pengajian Inovasi Perniagaan dan Perakaunan.

Kedua-dua mereka berkata, menimba pengajian selama tiga tahun di KUIM terutama mempelajari bahasa Arab tidak memberi halangan kepada mereka untuk berjaya biarpun sebelum ini belajar dalam aliran Cina peringkat menengah dan rendah.



Sumaiyah Sharuddin bersama Muhammad Shahnoor Azwan Shaari berkongsi kegembiraan selepas menerima anugerah masing-masing pada Majlis Konvokesyen KUIM Ke-15 di Melaka, semalam.



Pelajar ulat buku tidak semesti mudah dapat kerja

MELAKA 28 Julai - Graduan yang dilabel sebagai 'ulat buku' di universiti tidak semestinya akan mudah mendapat pekerjaan selepas mereka tamat pengajian di mana-mana pusat pengajian tinggi.

Sebaliknya, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, graduan yang memiliki ciri-ciri modal insan yang tinggi, berkemahiran dan peka dengan keperluan pasaran kerja akan lebih mudah mendapat peluang pekerjaan.

Menurutnya, graduan perlu memastikan mereka memenuhi kehendak pasaran kerja semasa dan bijak merebut peluang kerana persaingan pekerjaan pada masa ini kian mencabar.

"Perlu diingatkan bahawa memiliki diploma atau ijazah tidak dapat menjamin seseorang itu mendapat pekerjaan kerana majikan atau pasaran kerja masa kini lebih berminat kepada graduan yang berkualiti iaitu memiliki kriteria 4C," katanya ketika berucap pada majlis Konvokesyen ke-15 Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) di sini hari ini.

Seramai 749 pelajar KUIM menerima diploma masing-masing pada majlis konvokesyen tersebut. KUIM kini mempunyai 3,097 pelajar.

Mohd. Ali yang juga Canselor KUIM berkata, graduan 4C yang beliau maksudkan ialah graduan yang memiliki pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, keberkesanan komunikasi, bekerja secara berkumpulan dengan berkesan dan kreatif serta inovatif.

Pada masa sama, kata beliau, bagi menjana modal insan yang bermutu dan berinovasi, KUIM perlu bekerjasama dengan pihak berkaitan demi melahirkan lebih ramai graduannya yang berkualiti seiring dengan keperluan pasaran kerja.

"Graduan yang dihasilkan KUIM perlu berpengetahuan dan berupaya menguasai bidang ilmu malah memiliki daya keusahawanan serta mampu menempatkan diri dalam pasaran tenaga kerja semasa," ujar beliau.



SEBAHAGIAN graduan kursus Diploma Kejururawatan yang berjaya menamatkan kursus berkenaan pada Majlis Konvokesyen KUIM Ke-15 di Melaka, semalam.